

# Masalah banjir kilat sejak 5 tahun lalu

**Selayang:** "Keadaan pekarangan sekolah tidak ubah seperti bendang setiap kali hujan lebat berlaku. Banjir melimpah memasuki sekolah," luah bapa pelajar Sekolah Kebangsaan (1) Taman Selayang, Jalan Sungai Tua, di sini.

Dalam kejadian terbaru pagi semalam, hujan lebat sejak jam 7 pagi menyebabkan pekarangan sekolah berkenaan dinaiki air setinggi 0.3 meter.

Lelaki itu yang hanya mahukan dikenali sebagai Rosli, 44, berkata, masalah itu mengundang kegusaran ibu bapa dan warga sekolah ber-

ikutan ia berlarutan lebih lima tahun lalu.

"Ini berpunca daripada longkang tersumbat dan tidak mampu menampung kapasiti hujan.

"Bagaimanapun banjir tidak memasuki bilik darjah berikutan kedudukannya lebih tinggi," katanya, semalam.

Sementara itu, jurucakap sekolah berkenaan berkata, banjir kilat itu mulai surut jam 10.30 pagi.

"Air hanya memasuki bangunan prasekolah dan kami memindahkan 28 murid terbabit ke bilik lain demi ke-

selamatan mereka. Air melimpah dari longkang berdekatan dan mengeluarkan bau busuk," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor Mohd Sani Harul berkata, kejadian banjir turut berlaku di Jalan Lapangan Terbang susur ke Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) pagi semalam.

"Paras banjir naik sehingga 0.6 meter menyebabkan kesesakan. Tambahan pula ia berlaku pada waktu puncak ketika orang ramai keluar ke tempat kerja," katanya.



**PEKARANGAN** Sekolah Kebangsaan (1) Taman Selayang dinaiki air setinggi 0.3 meter selepas hujan lebat, pagi semalam.